

(1) Apa yang telah kamu pelajari daripada kursus etika dan peradaban?

Pada mula kursus ini, pembelajaran bermula dengan mengenal pasti secara lebih dalam apakah etika dan kaitannya dengan peradaban. Demi memahami perkara tersebut, penting kita mengetahui latar belakangnya. Socrates menerangkan tentang konsep keadilan dan sama ada manusia yang adil lebih bahagia berbanding dengan manusia yang tidak berlaku adil. Beliau berpendapat bahawa manusia yang baik akan melakukan kurang masalah atau kemudaratan kepada manusia yang lain walaupun kepada musuh mereka sendiri. Falsafah beliau tentang peradaban adaah manusia mempunyai tiga kelas iaitu pemerintah, pekerja dan tentera dan merekamempunyai etika yang perlu diikuti masing-masing.

Dalam pembelajaran ini, Saya mempelajari bahawa setiap peradaban yang wujud mempunyai definisi etika masing-masing. Dalam kebanyakan peradaban, fokusnya adalah Barat, Cina, India dan Arab. Peradaban Barat mengulaskan bahawa etika merupakan satu set prinsip-prinsip moral yang menentukan betul atau salah sesuatu tindakan. Menurut Confucius di China, etika adalah berdasarkan lima prinsip utama iaitu kebajikan, kemanusiaan dan kemanusiaan, kebenaran, cara yang betul, pengetahuan dan integriti. India mengamalkan konsep 'Rta' yang ditakrifkan sebagai perintah, peraturan dan kebenaran yang dianggap sebagai prinsip peraturan semulajadi yang diamalkan dalam sistem alam semesta. konsep etika ini ditemui dalam pengertian akhlak iaitu budi pekerti, tabiat atau tingkah laku. Secara kesuluruhannya prinsip-prinsip etika di kelaskan kepada nilai hidup manusia, kebaikan dan keburukan, keadilan dan saksama, kejujuran dan kebebasan.

Dalam pembelajaran untuk memahami etika, terdapat pelbagai teori-teori etika yang telah di fikirkan oleh para-para ahli falsafah zaman dahulu seperti Socrates, Aristotle dan Plato. Teori yang diperkenalkan oleh mereka berada dalam kategori teori klasik. Teori kebaikan, dimana Aristotle menghuraikan bahawa manusia boleh menjalankan kehidupan sebaik-baiknya dan mengaggap etika dan politik sebagai saling berkaitan di mana etika adalah mengenai kebaikan individu sementara politik pula lebih kepada penumpuan hal-hal kebaikan dan kecekapan pentadbiran sesebuah negara. Teori teologi iaitu menekankan hasil atau kesan daripada tindakan yang dilakukan oleh seseorang. Jika tindakan seseorang itu membawa kesan yang baik, maka tindakan itu dianggap sebagai betul dan bermoral.

Seterusnya diteruskan dengan teori etika moden. Teori deontology merupakan salah satu dan ia menekankan lebih kepada tanggungjawab atau kewajipan seseorang individu tetapi

ia tidak jales dalam menerangkan tindakan manakah yang dianggap baik. John Rawls memperkenalkan konsep sistem keadilan sosial di mana beliau mentakrifkan keadilan itu sebagai kesaksamaan. Seterusnya teori hak asasi daripada ahli falsafah bernama Locke yang mempercayakan kepada hak asasi manusia untuk hidup, memiliki kebebasan, dan harta benda.

Di negara Malaysia, kesepaduan antara kaum amatlah penting kerana sifat Malaysia yang berbilang kaum. Dalam kursus ini juga menekankan kepentingan tentang kesepaduan nasional melalui etika dan peradaban. Pentingnya bahawa kesepaduan sosial terhadap sesebuah peradaban. Kesepaduan sosial boleh difahami sebagai jalinan hubungan kerjasama antara kaum dan kelompok, berkongsi aktiviti budaya dan pinjam meminjam unsur budaya masing-masing. Ia merupakan elemen penting dalam memastikan sesebuah komuniti atau negara itu berada dalam keadaan aman dan harmoni. kesepaduan sosial ialah suatu keadaan aman, stabil dan makmur sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat, khususnya yang berbilang etnik.

Kebebasan bersuara merupakan antara perkara yang diterapkan dalam semester ini, dan definisinya adalah hak terhadap individu dalam menyampaikan apa yang difikirkan, apa jua pandangannya mengenai sesuatu dan idea sama ada dalam bentuk lisan, tulisan, slogan, lakonan ataupun ekspresi. Kebebasan bersuara amat penting bagi menjamin dan menjaga keharmonian negara, menjaga perasaan kaum lain, dan menghormati adat resam dan kepercayaan pelbagai kaum untuk mengekalkan kestabilan dan keselamatan Negara. Dalam kebebasan suara juga mempunyai etika yang perlu diikuti. Sebagai contoh, Tidak menyentuh perkara yang bersifat sensitif, Menghormati budaya, adat resam dan cara hidup kaum lain, dan lain-lain.

2) Bagaimana kamu boleh praktik atau amalkan perkara-perkara yang telah kamu telah pelajari pada kursus etika dan peradaban ini dalam kehidupan seharian?

Menurut apa yang diajar dalam kursus ini, terdapat banyak perkara yang kita boleh atau perlu terapkan dalam kehidupan harian. Dalam kursus etika dan peradaban ini, ia telah mengajar saya perkara-perkara yang penting supaya saya hidup dengan etika yang betul dalam kalangan masyarakat saya. Sebagai contoh, bercakap dengan beretika, etika dalam kerja dan lain-lain. Saya membahagikan cara-cara saya mengamalkan apa yang dipelajari kepada beberapa kategori seperti individu, keluarga, masyarakat, alam sekitar dan negara.

Etika bagi individu adalah berbeza dan kebiasaannya bergantung kepada prinsip-prinsip yang dipegang oleh individu tersebut. Saya sebagai seorang individu juga mempunyai etika sendiri dan etika yang dipelajari dalam kursus ini saya menjadikan sebagai panduan untuk mengukuhkan lagi persendirian saya dengan cara saya sendiri. Mengamalkan gaya hidup sihat merupakan salah satu yang dilakukan sebagai individu kerana kita kena sayang tubuh badan kita. Banyak manfaat yang boleh didapati dari segi kecergasan badan kita, Kecerdasan minda dan nutrisi-nutrisi yang baik dari pemakanan-pemakanan makanan yang sihat. Etika diri sendiri amat penting bagi mengekalkan akal yang rasional dan produktif dan mengekalkan hubungan yang baik dengan orang sekeliling.

Dalam keluarga sejagat mestilah adanya etika yang ditetapkan, cara yang dilakukan mungkin berbeza tetapi konsep etikanya adalah sama sahaja. Saya menghormati ahli-ahli keluarga saya mengikut kedudukan mereka. Ibu bapa saya merupakan yang paling utama perlulah dihormati dan diasayangi dengan sepenuhnya. Agama islam mengajar kita yang kita tidak boleh derhaka terhadap mereka. Di rumah, kita perlu menghormati ruang persendirian masing-masing supaya dapat mengekalkan keharmonian dan dinamik hubungan kekeluargaan dan jangan melampaui batas. Komunikasi antara satu sama lain mestilah dengan panggilan betul dan menggunakan nada yang tidak menguris hati.

Seterusnya adalah etika dalam kalangan masyarakat. Serba sedikit tentang etika dalam masyarakat, ia dirujuk sebagai panduan dan prinsip-prinsip moral yang dipersetujui dan diterima oleh sesebuah masyarakat. Dalam sesebuah masyarakat penting juga untuk menjaga etika kereana ia memainkan peranan yang penting sebagai panduan dalam membentuk tingkahlaku individu dalam masyarakat berkenaan. Etika yang praktikan dalam masyarakat adalah seperti menghormati dan mengutamakan orang yang lebih tua dalam situasi-situasi

harian. Sebagai contoh, memberi tempat duduk kepada orang tua atau membiarkan mereka jalan dahulu.

Etika terhadap alam sekitar atau dikenali sebagai etika ekologi juga amat penting di praktikkan. Secara konseptual, ia adalah tingkah laku yang dilakukan oleh kita terhadap alam sekitar kita. Alam sekitar meliputi seluruh flora dan fauna bumi. Etika amat penting demi menjaga alam sekitar kita. Contoh perkara yang kita perlu lakukan adalah tidak membuang sampah sarap merata-rata dan mengutip sampah yang bersepah di sekitar. Kita juga perlu hormati binatang-binatang tidak merosakkan habitat-habitat mereka ataupun bersikap tidak berperikemanusiaan.

Akhir sekali ialah etika terhadap negara iaitu nilai-nilai etika dan moral yang harus ada dan diamalkan oleh setiap rakyat dalam sesebuah negara dan pelanggaran terhadap nilai etika dan moral berkenaan akan berhadapan dengan tindakan undang-undang yang berkaitan dalam negara berkenaan. Mematuhi undang-undang yang telah digubal oleh kerajaan merupakan satu etika terhadap negara kita. Untuk menjadi rakyat yang beretika, perkara yang meliputi jenayah perlulah dielak dan dicegah.